

Headline	Pembangunan kebendaan, kerohanian ummah mesti seimbang		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	26,31	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	1546 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 68,110
Frequency	Daily	PR Value	RM 204,330



Pembangunan kebendaan, kerohanian ummah mesti seimbang

Institusi agama perlu beri perkhidmatan terbaik

perteguh ketamadunan masyarakat berdasar perancangan sistematik

SAYA merasa sangat gembira dijemput untuk berucap di Karnival Transformasi Sistem Pengurusan Islam di Malaysia 2011 pada pagi ini. Saya begitu terpuji kerana sebagai seorang Islam, saya memegang amanah untuk memastikan semua institusi khususnya yang berkait langsung dengan hal ehwal Islam tidak ketinggalan dalam rencana Program Transformasi Kerajaan atau GTP.

Saya mengucapkan tahniah kepada YB Datuk Dr Abdullah Md Zin, Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, serta Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), *Berita Harian* dan Tabung Haji atas inisiatif yang diambil untuk menjayakan karnival yang penuh bersejarah ini.

Saya suka mengingatkan diri saya dan hadirin sekalian, Saidina Ali ketika menjadi khalifah pernah berpesan kepada Gabenor Mesir, Malik Ashtar, agar memilih pemimpin yang adil, layak dari segi ilmu dan berkebolehan untuk memimpin sesuatu jawatan penting. Kita perlu sedar kepemimpinan sebenarnya adalah satu amanah dan sesiapa yang menunaikannya dengan penuh amanah akan terlepas daripada menempuh dukacita dan penyesalan di akhirat kelak, seperti yang pernah disebut dalam hadis Rasulullah SAW.

Kita sama-sama maklum, Sistem Pengurusan Islam di Malaysia, dari segi sejarah, sebenarnya telah bermula sejak kemasukan Islam di rantau ini. Islam telah membawa cara hidup baru merangkumi segenap aspek kehidupan. Selain menjalinkan hubungan dengan Allah SWT, ajaran agama juga mengajar kita bagaimana berhubung dengan manusia. Islam mengajar kita bagaimana mentadbir dan mengurus umat manusia. Asas atau roh utama dalam pentadbiran ialah berlaku adil sesama manusia. Dalam sejarah Islam, Nabi Muhammad SAW juga pernah memimpin masyarakat majmuk, pelbagai agama dan bangsa. Baginda mengurus urusan umat dengan penuh keadilan dan menjadi contoh teladan kepada kita semua.

Sejak kemasukan Islam di rantau ini, agama Islam tersebar dengan cara penuh diplomasi dan dengan pendekatan wasatiyyah. Ajaran Islam menekankan unsur kasih sayang sesama manusia, saling hormat menghormati dan hidup dalam suasana harmoni dan sejahtera. Nilai murni agama yang bersifat universal

Headline	Pembangunan kebendaan, kerohanian ummah mesti seimbang		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	26,31	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	1546 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 68,110
Frequency	Daily	PR Value	RM 204,330

dikongsi bersama. Ajaran Islam diurus tadbir sebagai sebuah kehidupan, baik pada peringkat amalan individu, dalam keluarga, bermasyarakat dan bernegara. Ajaran Islam wujud dalam amalan pemerintahan, dalam perundangan dan kehakiman, dalam bidang pendidikan yang bersifat sepadu, dalam urusan ekonomi dan kewangan, dalam diplomasi dan hubungan antarabangsa dan tidak ketinggalan dalam soal seni dan kebudayaan.

Hadirin sekalian,

Program Transformasi Kerajaan atau GTP adalah program yang komprehensif, merangkumi semua sektor kehidupan. Ia dirancang meliputi bidang ekonomi dan juga sektor lain termasuklah pengurusan hal ehwal Islam. Objektif utamanya ialah mengukuhkan aspek penyampaian dan mengutamakan keberhasilan. Seluruh agensi baik kerajaan atau swasta dan seluruh anggota masyarakat perlu bersamasama untuk menjayakan agenda ini demi kemakmuran negara.

Kita perlu akui bahawa kita hidup dalam persekitaran baru yang berbeza daripada kehidupan beberapa dekad yang lalu. Kemudahan berkomunikasi dan memperoleh maklumat menjadi makin canggih. Dalam masa yang sama kesedaran hidup beragama juga makin tinggi. Oleh itu, isu seperti soal halal haram dalam makanan, masalah gejala sosial di kalangan remaja, kemiskinan dan kesejahteraan sosial akan terus diperkatakan. Dari satu segi, kesedaran di kalangan rakyat yang meningkat ini penting untuk kita bertindak dan mengurus isu-isu dengan lebih baik.

Kita akui aspek pengurusan hal ehwal Islam juga semakin hari semakin mencabar. Ini menuntut kepekaan terutama kepada mereka yang memegang amanah, baik agensi kerajaan, NGO dan juga ahli masyarakat. Keadaan ini memerlukan suatu perancangan strategik yang lebih tersusun supaya tindakan pelaksanaan secara holistik dapat dilakukan dengan berkesan. Allah berfirman yang bermaksud bahawa perubahan kehidupan sesuatu kaum hendaklah dilakukan oleh kaum itu sendiri. Justeru, transformasi yang mengubah kepada kedudukan masyarakat yang lebih baik adalah kewajipan utama kepada setiap pemimpin.

Dalam konteks transformasi sistem pengurusan Islam di Malaysia, sangat perlu difahami peraturan yang termaktub dalam undang-undang dan norma yang sedia dipegang. Isu pembahagian kuasa antara kerajaan negeri dan Pusat serta kebijaksanaan pelaksanaan perlu diperhatikan.

Fokus utama dalam pembangunan dan transformasi dalam Islam ialah pembangunan insaniah manusia itu sendiri. Transformasi Islam mempunyai dua tahap iaitu tahap pertama iaitu peringkat kerohanian seperti pembangunan yang mengarah kepada kesucian akal dan jiwa. Tahap kedua iaitu peringkat pembangunan fizikal. Kedua-dua peringkat berkenaan mestilah seimbang. Transformasi juga boleh diertikan sebagai perubahan se-

hingga mencapai sesuatu bentuk taraf kehidupan yang mulia di mana akan membabitkan perubahan dalam jumlah dan struktur keluaran negara, institusi, adat dan kebudayaan dalam masyarakat dalam merealisasikan kesejahteraan sejagat.

Seperti kita sedia maklum, pentadbiran hal ehwal Islam perlu dilihat dalam skop yang lebih besar. Jika satu ketika ia terhad kepada Majlis dan Jabatan Agama pada peringkat negeri serta JAKIM pada peringkat Persekutuan saja, hari ini ia telah berkembang dengan pesat khususnya dalam konteks kewangan dan perbankan. Negara kita telah menjadi tempat rujukan dari segi perkembangan ilmu dan pelaksanaan kewangan dan perbankan Islam. Kita perlu menyediakan tenaga kerja yang mahir dalam jumlah yang lebih besar. Kita perlu mengeksport pakar kita ke peringkat antarabangsa dan memimpin bidang berkenaan. Untuk itu, kita perlu mengukuhkan aspek latihan dan penghasilan modal insan kelas pertama.

Karnival yang diadakan kali ini diharap dapat mengetengahkan peranan yang telah dimainkan oleh pihak kerajaan khususnya Majlis dan Jabatan Agama dan agensi-agensi yang berkaitan. Pameran sempena Karnival ini diusahakan khususnya oleh pihak *Berita Harian* diharap dapat menjelaskan kepada kita semua bahawa kerajaan telah dan akan terus memberi perhatian mengukuhkan sistem pengurusan Islam meliputi pelbagai aspek kehidupan. Apa yang telah dilakukan oleh kerajaan menjangkau bidang yang lebih luas merangkumi enam kluster yang telah disusun. Sementara itu, penganjuran seminar sempena karnival ini diharap dapat mencetuskan budaya penyelidikan dan ilmu yang diharap dapat mengukuhkan agenda transformasi kerajaan.

Kita perlu jelaskan bahawa kerajaan amat komited dalam pembangunan Islam sejak merdeka sehingga kini dan sentiasa melihat struktur pentadbiran agama perlu diperkasa sesuai dengan perkembangan semasa. Transformasi yang diperkenalkan oleh kerajaan adalah bertujuan agar rakyat menikmati kemakmuran negara secara sempurna. Perkara ini adalah agenda kerajaan untuk memastikan semua sektor kerajaan dan rakyat dapat melaksanakan transformasi seperti yang kita rancang. Penjawat awam terutama dalam jabatan agama dan guru-guru agama seharusnya berfikir kritis dan konstruktif dalam menunaikan tanggungjawab dan amanah dengan mencari penyelesaian kreatif dan inovatif di luar kelaziman. Perkara ini penting agar jabatan agama dan institusi yang berkaitan terus cemerlang dalam perkhidmatan kepada rakyat.

Hadirin sekalian,

Transformasi yang sedang diusahakan ini termasuk pengurusan pelanggan, budaya kerja, pengurusan strategik dan kepemimpinan organisasi, sumber manusia, kewangan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) pe-

Headline	Pembangunan kebendaan, kerohanian ummah mesti seimbang		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	26,31	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	1546 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 68,110
Frequency	Daily	PR Value	RM 204,330

ngurusan projek pembangunan dan lain-lain. Saya berharap karnival ini akan mencetuskan idea kreatif yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan khususnya oleh institusi agama pada peringkat negeri dan Persekutuan. Inovasi yang dihasilkan nanti berupaya menambah outcome (keberhasilan) semasa serta membawa transformasi dan perubahan kepada amalan sedia ada. Inovasi boleh berbentuk perkhidmatan, proses dan teknologi.

Oleh itu, saya berharap perlu ada penanda aras dalam amalan dan perkhidmatan Islam melalui penggubalan Standard Pengurusan Islam. Perkara ini amat penting dalam meningkatkan fungsi pegawai hal ehwal Islam sebagai pentadbir, pengurus, pakar rujuk dan penasihat dalam bidang keagamaan. Pegawai-pegawai tersebut memerlukan pelbagai kemahiran bagi meningkatkan kompetensi pegawai hal ehwal Islam dalam bidang agama sehingga diiktiraf profesional dalam bidang tersebut.

Sesebuah organisasi yang dinamik perlu sentiasa berubah dan terus bergerak maju ke hadapan sesuai dengan tuntutan semasa, keadaan persekitaran dan kehendak masyarakat. Untuk terus kekal relevan, institusi agama khususnya perlu memberi perkhidmatan yang terbaik dan memperteguhkan ketamadunan masyarakat berdasarkan perancangan pembangunan umat Islam yang sistematik. Dari sudut pentadbiran institusi jabatan agama, perkara yang utama ialah kepemimpinan yang berwibawa dan budaya kerja cemerlang. Asas perubahan yang paling penting dalam memajukan sesuatu organisasi ialah perubahan jiwa dan minda. Perkara ini juga membabitkan perubahan budaya, terutama budaya dalam erti kata nilai hidup.

Dimaksudkan dengan budaya ialah penjenamaan nilai yang mampu menjadi wahana kebangkitan bangsa. Nilai dalam hal ini merujuk kepada hal-hal yang dianggap penting oleh sesebuah masyarakat, yang merangkumi nilai ilmu, akhlak, ekonomi, kuasa, seni dan lain-lain yang disusun menurut urutan keutamaan. Pembangunan dan transformasi dalam Islam ialah keupayaan bersama untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat keseluruhannya sama ada di dunia mahupun di akhirat di dalam satu proses yang harmonis dan dinamis.

Bersempena dengan karnival ini juga, saya berasa sangat sukacita kerana dapat melancarkan sebuah buku bertajuk *Pendekatan Wasatiyyah Dalam Menghayati 1Malaysia* dengan tujuan utama untuk memberikan penerangan dan penjelasan terhadap konsep wasatiyyah bersulam falsafah teras 1Malaysia yang kini sedang diketengahkan oleh pentadbiran kerajaan. Semoga buku ini akan menjadi panduan dan masyarakat dari segenap lapisan. Hakikatnya, manhaj kesederhanaan adalah metod atau kaedah terbaik yang dapat mengembangkan dakwah Islam. Muslimin adalah bangsa yang wasaf, maka kita sewajarnya men-

jadi ummah yang progresif. Di atas segala-galanya, kerajaan memberi komitmen tinggi untuk menyokong usaha transformasi sistem pengurusan Islam demi kebaikan negara. Institusi khususnya berkaitan hal ehwal agama akan terus diperkasa dengan peruntukan yang lebih besar. Kita akan tetap menghormati kuasa negeri dalam hal ehwal agama, dan dalam masa yang sama kita akan melihat ruang-ruang untuk memperkukuhkan aspek pentadbiran Islam kita. Amat diharapkan semoga karnival ini dapat diteruskan dari semasa ke semasa dan semoga ia juga dapat diteruskan ke seluruh Malaysia untuk memberi penjelasan dan penerangan kepada masyarakat.

jadi ummah yang progresif.

Di atas segala-galanya, kerajaan memberi komitmen tinggi untuk menyokong usaha transformasi sistem pengurusan Islam demi kebaikan negara. Institusi khususnya berkaitan hal ehwal agama akan terus diperkasa dengan peruntukan yang lebih besar. Kita akan tetap menghormati kuasa negeri dalam hal ehwal agama, dan dalam masa yang sama kita akan melihat ruang-ruang untuk memperkukuhkan aspek pentadbiran Islam kita.

Amat diharapkan semoga karnival ini dapat diteruskan dari semasa ke semasa dan semoga ia juga dapat diteruskan ke seluruh Malaysia untuk memberi penjelasan dan penerangan kepada masyarakat.

Kita akui aspek pengurusan hal ehwal Islam juga semakin hari semakin mencabar. Ini menuntut kepekaan terutama kepada mereka yang memegang amanah, baik agensi kerajaan, NGO dan juga ahli masyarakat. Keadaan ini memerlukan suatu perancangan strategik yang lebih tersusun supaya tindakan pelaksanaan secara holistik dapat dilakukan dengan berkesan

Kita perlu jelaskan bahawa kerajaan amat komited dalam pembangunan Islam sejak merdeka sehingga kini dan sentiasa melihat struktur pentadbiran agama perlu diperkasa sesuai dengan perkembangan semasa. Transformasi yang diperkenalkan oleh kerajaan adalah bertujuan agar rakyat menikmati kemakmuran negara secara sempurna

Headline	Pembangunan kebendaan, kerohanian ummah mesti seimbang		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	26,31	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	1546 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 68,110
Frequency	Daily	PR Value	RM 204,330




Dari sudut pentadbiran institusi jabatan agama, perkara yang utama ialah kepimpinan yang berwibawa dan budaya kerja cemerlang. Asas perubahan yang paling penting dalam memajukan sesuatu organisasi ialah perubahan jiwa dan minda. Perkara ini juga membabitkan perubahan budaya, terutama budaya dalam erti kata nilai hidup



ORANG ramai yang hadir pada majlis perasmian Karnival Transformasi Sistem Pengurusan Islam di Malaysia di PWTC, semalam.

Headline	Pembangunan kebendaan, kerohanian ummah mesti seimbang		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	26,31	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	1546 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 68,110
Frequency	Daily	PR Value	RM 204,330

● ZULFADHLI ZULKIFLI | BERITA HARIAN



NAJIB ketika berucap pada Majlis Perasmian Karnival Transformasi Sistem Pengurusan Islam di Malaysia 2011 di PWTC, semalam.